

Talisman taja 30 pelajar ikuti pengajian minyak dan gas

RM1 juta biayai pelajar UMS

UM 19.3.2014 30

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**
utusanabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 18 Mac - Talisman Malaysia Limited (TML) memperuntukkan dana berjumlah RM1 juta bagi membiayai pengajian 30 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengikuti pengajian minyak dan gas untuk tempoh lima tahun.

Menerusi satu memorandum perjanjian persefahaman yang dimeterai antara kedua-dua pihak, pelajar universiti berkenaan bakal meneruskan pengajian dalam Kejuruteraan Petroleum, Kejuruteraan Kimia, Geologi dan Geofizik.

Naib Presiden Kanan Talisman Malaysia, Ron Aston berkata, selain bantuan kewangan, para pelajar tersebut bakal diberi peluang menimba pengalaman dalam industri minyak dan gas kendalian syarikat terbabit.

"Kerjasama ini merupakan sebahagian komitmen kami terhadap pembangunan dan menggalakkan minat mahasiswa di Sabah dalam bidang kerjaya minyak dan gas yang ditawarkan," katanya dalam



RON Aston (dua dari kanan) bersama Shahril Yusof (dua dari kiri) menandatangani memorandum persefahaman Program Perkongsian Biasiswa di antara Talisman dan UMS di Dewan Resital, UMS, di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Program Perkongsian Biasiswa di antara Talisman dan UMS di Dewan Resital, UMS, di sini baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Ron mewakili TML manakala UMS pula diwakili oleh Timbalan Naib Canselornya, Prof. Dr. Shahril Yusof.

Tambah Ron, TML telah menaja

seramai 57 pelajar dengan peruntukan RM2 juta di bawah program sama di seluruh negara manakala RM2.3 juta diperuntukkan untuk membiayai 60 lagi pelajar bagi tem-

poh 2014 hingga 2018.

Katanya, UMS menjadi universiti keempat di negara ini yang terlibat dalam program pembiayaan TML selain Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Sementara itu, Shahril berkata, UMS komited melahirkan tenaga kerja profesional dan mahir yang memelopori bidang minyak serta gas di negara ini.

Katanya, usaha itu tidak mustahil untuk dilaksanakan memandangkan UMS mempunyai prasarana lengkap, sekali gus berpotensi untuk menawarkan latihan kemahiran menerusi kerjasama dengan pihak pemain industri minyak dan gas.

"Sabah memerlukan ramai tenaga mahir terlatih untuk menerajui kerjaya minyak dan gas dalam dan luar negara, jadi dengan kerjasama UMS-TML ini, kita berharap mampu membantu kerajaan negeri melahirkan tenaga kerja terlatih," ujarnya.

Katanya, projek Terminal Minyak dan Gas (SOGT) dan Projek Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak (SSGP) bakal meletakkan negeri ini sebagai hab minyak dan gas terkenal di rantau Asia.